

## BIDANG KEPAKARAN

1. Tadbir Urus Bahan Kimia  
(*Chemical Governance*)
2. Keselamatan Kimia  
(*Chemical Safety*)
3. Sekuriti Kimia  
(*Chemical Security*)



PROF. MADYA ChM. DR. GOH CHOO TA  
Pengarah

## PROFIL

Profesor Madya ChM. Dr. Goh Choo Ta adalah Pengarah di Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau mempunyai 17 tahun pengalaman dalam bidang tadbir urus bahan kimia (chemical governance) dan keselamatan kimia (chemical safety). Dr. Goh telah dilantik oleh Menteri Alam Sekitar dan Air selaku Penasihat Teknikal Konvensyen Minamata mengenai Merkuri; dan Dr. Goh juga dilantik oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebagai Pakar Kesihatan Alam Sekitar di bawah Program National Environmental Health Action Plan (NEHAP) dalam bidang tadbir urus bahan kimia dan keselamatan kimia. Dr. Goh dilantik oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) sebagai ahli (profesional) dalam Jawatankuasa Teknikal Peraturan Pengelasan, Pelabelan dan Helaian Data Keselamatan 2013, dan beliau juga dilantik oleh Pihak Berkuasa Kebangsaan Konvensyen Senjata Kimia sebagai ahli dalam Lembaga Penasihat Sainifik Kebangsaan. Dr. Goh juga pernah dijemput oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) sebagai Pakar Kebangsaan semasa Bengkel ASEAN-Japan Chemical Safety Database. Dr. Goh merupakan ahli di dalam Lembaga Penyunting untuk jurnal ACS Chemical Health and Safety dan International Chemical Regulatory and Law Review. Dr. Goh juga dilantik oleh United Nations Development Programme (UNDP) sebagai ahli di dalam National Steering Committee on Malaysia Global Environment Facility – Small Grants Programme (GEF-SGP). Sehingga hari ini, Dr. Goh telah dilantik sebagai ketua projek/perunding untuk 22 kajian penyelidikan/perundingan. Dr. Goh merupakan penerima Anugerah Khas Penyelidikan Translational sempena Majlis Anugerah Kecemerlangan MyRA UKM pada tahun 2021; dan Dr. Goh juga merupakan penasihat untuk Projek Penilaian Risiko Bahan Kimia Berbahaya kepada Kesihatan secara Kendiri yang telah menang tempat Johan dalam GerakNovasi UKM pada tahun 2020. Dr. Goh juga merupakan penceramah untuk kursus profesional, ini termasuk kursus teknikal Peraturan CLASS, kursus Bahan Berbahaya terhadap Alam Sekitar, kursus Penilaian Risiko Bahan Kimia Berbahaya terhadap Kesihatan, Kursus Keselamatan Kimia di dalam makmal, dan kursus Pengurusan Bahan Kimia.